

SYARAHAN AWAM “PINTAR 30: KE ARAH MELESTARIKAN INDUSTRI PADI BERAS NEGARA”



Tajuk : SYARAHAN AWAM “PINTAR 30: KE ARAH MELESTARIKAN INDUSTRI PADI BERAS NEGARA”

Tarikh/Masa : 25 Oktober 2024 (Jumaat)/ 8.30 pagi – 11.00 pagi

Tempat : Auditorium Jurutera Radin Umar, Fakulti Kejuruteraan, UPM

VIP : TKSU (P) KPKM

Penganjur : Institut Pertanian Malaysia (AIM)

Kehadiran BSM : Ketua Pasukan PILRN

Latar belakang:

- i) Institut Pertanian Malaysia (AIM) telah menganjurkan Syarahan Awam “Pintar 30: Ke Arah Melestarikan Industri Padi Beras Negara” yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KPKM. Program ini adalah salah satu pengisian sempena Mesyuarat Agung Institut Pertanian Malaysia kali ke-59 (AIM Council).
- ii) Kehadiran untuk program ini kebanyakannya terdiri daripada pelajar UPM khususnya dari Fakulti Pertanian. Aktiviti lain yang turut diadakan ialah pameran teknologi, produk pertanian dan hasil penyelidikan.

Intipati Syarahan:

- i) Salinan slaid yang digunakan oleh TKSU (P) adalah seperti pada lampiran.
- ii) TKSU (P) dalam syarahan beliau lebih memberi penumpuan kepada topik keterjaminan makanan secara umum dan bagaimana konsep PINTAR boleh merealisasikan matlamat tersebut.
- iii) Perkara paling penting dalam konsep PINTAR ialah inovasi. Kemajuan dalam bidang pertanian ditunjangi oleh inovasi dan salah satu objektif penubuhan UPM adalah untuk menerajui inovasi dalam pertanian.
- iv) TKSU (P) juga menekankan pentingnya strategi untuk menarik golongan muda menyertai bidang pertanian kerana sektor pertanian berdepan dengan isu aging farmers.

Antara komen dan perkara yang ditanya semasa sesi soal jawab:

- i) Kesukaran untuk mendapatkan tanah untuk menjalankan aktiviti pertanian meskipun mempunyai modal.
- ii) Usaha untuk transformasi ke arah pertanian moden perlu dipercepatkan.
- iii) Penglibatan syarikat swasta dalam menambah baik sistem saliran untuk padi dengan memperkenalkan teknologi terkini.
- iv) Ketersediaan tanah untuk pelaburan dalam industri jagung bijian secara besar-besaran dengan kaedah penanaman moden.
- v) Usaha untuk memastikan graduan memasuki bidang pertanian.